


Penjagaan kesihatan di Sabah perlu transformasi, inovasi



DE 13.10.2016 2

Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU: Wujud keperluan untuk mentransformasi dan menginovasi sistem penjagaan kesihatan di Sabah berikutan cabaran yang timbul dengan peningkatan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, yang menjadi trend yang membimbangkan.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Edward Yong (**gambar**) berkata cabaran-cabaran yang dihadapi oleh penjagaan kesihatan awam banyak meningkat dengan tekanan daripada penyakit tidak berjangkit kronik yang mendahului penyakit berjangkit sebagai penyebab utama morbiditi, kehilangan upaya dan mortaliti.

Beliau berkata globalisasi telah membantunya menyebarkan wabak penyakit kronik ke dunia membangun dan akibatnya, penyakit kronik, yang berkait rapat kepada diet, kekurangan aktiviti fizikal serta pengambilan tembakau dan alkohol telah meningkat secara mendadak.

"Beban penyakit termasuk penyakit jantung, strok, kanser, diabetes mellitus, dan asma kini yang paling di negara-negara berpendapatan rendah dan pertengahan. Justeru, implikasi globalisasi telah mengubah epidemiologi penyakit baru dan penyakit yang sering menjadi wabak.

"Data daripada Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Malaysia menunjukkan bahawa prevalens diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia atas 30 tahun telah meningkat hampir tiga kali ganda daripada 8.3 peratus pada 1996 kepada 22.5 peratus tahun lepas.

"Dalam rangka waktu yang sama, prevalens kandungan kolesterol darah tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia atas 30 tahun meningkat hampir lima kali ganda daripada 11.7 peratus pada 1996 kepada 56.8 peratus tahun lepas. Semua ini adalah trend membimbangkan," katanya.

Yong, yang bertanggungjawab atas hal-ehwal kesihatan di Sabah, berkata demikian apabila membuka Persidangan Kesihatan Awam wilayah Sabah kedua & Kolokium Kesihatan Awam Sabah ke-11 di sebuah hotel di sini, Rabu.

Persidangan dan kolokium selama lima hari itu yang berakhir pada 14 Oktober dianjurkan bersama oleh Jabatan Kesihatan Sabah, Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu, Persatuan Profesional Kesihatan Awam Sabah (SPHPS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Sabah Datuk Dr Christina Rundi, Penolong Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Kota

Kinabalu, Dr Jiloris @ Julian Frderick Dony, Presiden SPHPS Dr Jenarun Jelip dan pegawai kanan lain.

Untuk menghadapi semua cabaran itu, Yong berkata sistem penjagaan kesihatan di Sabah perlu menjalani transformasi dan inovasi yang amat penting untuk kelestarian jangka panjang sistem penjagaan kesihatan.

"Terdapat keperluan untuk pendekatan sistem yang lebih komprehensif dan diubahsuai dengan baik untuk membangukan penyelesaian boleh laksana kepada masalah-masalah kesihatan awam yang rumit ini.

"Justeru terdapat keperluan penting untuk penyelidikan akademik diterjemahkan kepada dasar dan program berasaskan bukti untuk menambah baik kesudahan kesihatan secara keseluruhan serta mengurangkan beban penyakit terhadap sistem penjagaan kesihatan kita.

"Kami berharap untuk melihat keperluan pesakit dan penduduk dikenal pasti dengan lebih baik, justeru agenda penyelidikan akan perlu menangani isu konteks dan pelaksanaan. Ia termasuk pembangunan sistem pelaksanaan dan akauntabiliti penjagaan kesihatan yang lebih baik," katanya.

Yong berkata sistem penjagaan kesihatan

di negara ini adalah salah satu yang terbaik di dunia dan rakyat Malaysia harus berbangga dengan reputasi itu.

Katanya, ia mempunyai rangkaian meluas kemudahan kesihatan, hospital, pejabat kesihatan, klinik kesihatan, klinik 1Malaysia, klinik desa dan di Sabah, terdapat satu unit X-ray bergerak untuk saringan TB dan bas pergigian bergerak yang membolehkan pelbagai lapisan masyarakat daripada golongan kaya kepada golongan kurang bernasib baik sama ada di bandar atau kampung di Sabah, mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi dengan mudah.

"Walaupun sistem penjagaan kesihatan di negara kita boleh dianggap bertaraf tinggi, saya percaya Kementerian Kesihatan terus berusaha untuk menambah baik prestasi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

"Ini akan menyediakan kita untuk menghadapi cabaran akan datang dan semua ahli kementerian harus bersedia dan mengambil peluang berkhidmat untuk rakyat melalui rangka sistem penjagaan kesihatan dengan cabaran penyakit kronik yang baru dengan jangka hayat lebih lama, kos perubatan lebih tinggi, pencarian teknologi baru dan jangkaan populasi yang sering